

## PENGARUH PSIKOSOSIAL TERHADAP TINGKAH LAKU AGRESIF

NUR AZRUL AMIRUL MUSTAFA, MOHAMMAD  
RAHIM KAMALUDDIN, FATIN ADHA MURAD, BALAN  
RATHAKRISHNAN, NOREMY MD AKHIR, NORRUZEYATI CHE  
MOHD NASIR

### ABSTRAK

*Penularan tingkah laku agresif khususnya dalam kalangan remaja yang semakin meluas telah memberi impak negatif kepada pembentukan komuniti yang sihat. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mengkaji pengaruh faktor psikososial terhadap tingkah laku agresif dalam kalangan pelajar Pra-Universiti sekitar Kuala Lumpur. Secara khususnya, kajian ini mengkaji faktor-faktor psikososial iaitu penghargaan sendiri, pengherotan kognitif dan kefungisian keluarga terhadap tingkah laku agresif pelajar. Kajian ini berbentuk kajian kuantitatif dengan menggunakan borang soal selidik serta melibatkan seramai 150 orang pelajar Pra-Universiti di sekitar Kuala Lumpur sebagai responden. Hasil kajian mendapati kebanyakan responden mempunyai faktor psikososial pada tahap sederhana iaitu penghargaan sendiri ( $n = 110$ ), pengherotan kognitif ( $n = 91$ ), tahap kefungisian keluarga ( $n = 50$ ) dan tingkah laku agresif ( $n = 80$ ). Kajian mendapati ketiga-tiga faktor psikososial menjadi peramal kepada tingkah laku agresif; dan pengherotan kognitif mempunyai pengaruh yang signifikan yang paling kuat terhadap tingkah laku agresif ( $\beta = 0.461$ ,  $p < 0.00$ ). Kajian ini diharapkan dapat memberi impak kepada pihak-pihak yang terlibat dalam pembentukan akhlak, sahsiah dan minda pelajar seperti ibu bapa, pihak sekolah, pihak kerajaan, terutama sekali Kementerian Pendidikan Malaysia dan juga Kementerian Belia dan Sukan.*

**Kata Kunci:** *psikososial, penghargaan sendiri, pengherotan kognitif, kefungisian keluarga, tingkah laku agresif, pelajar Pra-Universiti*

### ABSTRACT

*Aggressive behaviour seems like a never-ending problem among teenagers and this kind of behaviour affects the formation of an ideal community. With that, this present study aims to identify the effects of psychosocial factors towards aggressive behaviour among Pre-University students in Kuala Lumpur area. Specifically, this study aims to identify the effects of self-esteem, cognitive distortion and family functioning towards aggressive behaviour. This study was a quantitative design using a questionnaire involving 150 Pre-University students from areas in Kuala Lumpur. The results indicate that the majority of the respondents exhibit psychosocial factors at moderate levels: self-esteem ( $n = 110$ ), cognitive distortion ( $n = 91$ ), family functioning ( $n = 50$ ) and aggressive behaviour ( $n = 80$ ). The result shows that all the psychosocial variables had significant effect towards aggressive behaviour; with cognitive distortion as the strongest significant predictor of aggressive behaviour ( $\beta$*

= 0.461,  $p < 0.00$ .) This findings of this study is anticipated to beneficial to related parties such as parents, schools, as well as Education Ministry and Youth and Sports Ministry.

**Keywords:** psychosocial, self-esteem, cognitive distortion, family functioning, aggressive behaviour, Pre-University students

## PENGENALAN

Remaja merupakan aset sesebuah negara yang sangat bernilai dan sekaligus merupakan modal insan yang akan menerajui pucuk kepimpinan negara pada masa akan datang. Kebergantungan dan harapan masyarakat amat besar buat generasi muda ini bagi menggalas tanggungjawab dan amanah untuk meneruskan aspirasi dan inspirasi negara bagi mencapai status negara maju setanding negara-negara yang terkemuka.

Sejak kebelakangan ini, negara kita kerap kali dikejutkan dengan pelbagai masalah sosial dan jenayah yang dilakukan oleh golongan remaja. Seandainya dahulu remaja hanya dikaitkan dengan kesalahan minor seperti melepak, merokok dan ponteng, tetapi hari ini situasi mula berubah apabila golongan ini mula melibatkan diri dengan pelbagai kesalahan ekstrim dan berat sehingga boleh menyebabkan kematian. Masalah dalam kalangan remaja kian membimbangkan kerana hal ini bukan sahaja melibatkan pelajar lelaki, malahan pelajar wanita juga turut menyumbang dalam peningkatan jumlah masalah seperti tingkah laku delinkuen, tingkah laku agresif, penggunaan dan penyalahgunaan dadah, penggunaan senjata, keterlibatan dalam kongsi gelap, masalah mat dan minah rempit, dan gejala sosial lain yang membimbangkan para ibu bapa, guru, pihak berkuasa, dan masyarakat secara umumnya.

Menurut paparan berita di News Straits Times pada 17 Ogos 2017, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengenal pasti sebanyak 402 buah institusi pengajian *hotspot* di seluruh negara sebagai sekolah yang mempunyai masalah disiplin (kategori 1) dan dadah (kategori 3) (Hariz Mohd, 2017). Daripada statistik itu, sebanyak 76 buah sekolah di Selangor menunjukkan kedudukan paling tinggi. Kedudukan kedua tertinggi pula ialah Johor dengan 63 buah sekolah dan diikuti oleh Negeri Sembilan dengan 40 buah sekolah yang tersenarai dalam jadual tersebut. Manakala, Pulau Pinang dan Pahang berkongsi tempat kedudukan keempat dengan 37 buah sekolah. Walaupun 22 buah sekolah di Kuala Lumpur turut tersenarai, semuanya dikategorikan dengan isu dadah dan jumlah selebihnya disumbangkan oleh negeri-negeri lain. Antara indikasi institusi pengajian *hotspot* ini adalah tempat yang mempunyai masalah berkaitan disiplin, penyalahgunaan dadah, jenayah dan masalah-masalah lain seperti tahap kehadiran ke sekolah yang sangat lemah.

Selain itu, tingkah laku agresif seperti membuli, memukul, memeras ugut, menghina, mengeluarkan kata-kata kesat, bergaduh dan lain-lain sering kali dikaitkan dengan pelajar-pelajar remaja ini. Menurut Feldman (2001) dan Baron dan Bryne (2004), tingkah laku agresif bermaksud sebarang tindakan yang bertujuan untuk mencederakan orang lain. Manakala menurut Huesmann dan Miller (1994) matlamat utama tingkah laku agresif ini adalah untuk mendatangkan kesakitan, kecederaan atau kemusnahan pada mangsa ataupun barang miliknya. Contoh kes yang terbaharu mengenai fenomena tingkah laku agresif yang menggemparkan negara kita ialah peristiwa hitam yang melibatkan pemergian seramai 22 orang pelajar tahfiz di Asrama Pusat Tahfiz Darul Ittifaqiyah di Keramat yang terlibat dalam kebakaran terancang dan pemergian seorang penuntut Universiti Pertahanan National Malaysia (UPNM) iaitu Pegawai Kadet Zulfarhan Osman Zulkainain, 21, yang menjadi mangsa tingkah laku agresif dan buli beramai-ramai (Gunaratnam, 2017).

Keagresifan juga sering dikaitkan dengan tingkah laku antisosial, jenayah dan masalah kesihatan mental seperti kecelaruan personaliti, penyalahgunaan dadah dan kemurungan (Brannstrom, Kaunitz, Andershed, South & Smedslund., 2016). Selain itu, Mohammad Rahim Kamaluddin, Azizah Othman, Khaidzir Ismail dan Geshina Ayu Mat Saat (2016) telah menyatakan bahawa tingkah laku agresif sebagai salah satu tret psikokriminogenik yang sering dikaitkan dengan pelbagai jenayah kekerasan termasuk pembunuhan dan rompakan. Edelman (1995) melaporkan setiap lima minit seorang remaja di Amerika Syarikat ditangkap oleh kerana pelbagai masalah jenayah kekerasan dan setiap dua jam seorang kanak-kanak mati akibat ditembak. Berdasarkan dapatan kajian sebelum ini, jelas kita boleh melihat bahawa permasalahan berkaitan tingkah laku agresif dan pro-jenayah ini bukan sahaja berlaku di negara kita Malaysia, malahan di segenap pelusok dunia termasuk negara maju seperti Amerika Syarikat.

Tingkah laku agresif dalam kalangan pelajar bukanlah suatu fenomena yang baharu. Kajian-kajian mengenainya telah banyak dilakukan oleh pengkaji-pengkaji tempatan mahupun di luar negara. Banyak model dan teori telah dibentuk bagi memahami konsep tingkah laku agresif. Sebagai contohnya, model O'Keefe (1995) telah melihat aspek tingkah laku agresif ini lebih menyeluruh merangkumi individu dan persekitaran iaitu personaliti, sosiologikal dan psikologikal. Teori Ketegangan (*Strain Theory*) oleh Agnew (1992) pula mengatakan seseorang individu akan mengalami emosi negatif seperti kecewa dan agresif kerana tidak dapat mencapai matlamat melalui cara yang betul dan konvensional. Ini seterusnya menyebabkan individu ini untuk memilih jalan alternatif yang melanggar norma kehidupan iaitu jenayah dan keganasan.

Selain penjelasan oleh model dan teori, banyak kajian empirikal

juga telah meneliti masalah tingkah laku agresif ini. Jia, Wang, Shi dan Li (2011) menunjukkan faktor keluarga sebagai salah satu penyebab perlakuan bermasalah ini dalam kalangan kanak-kanak dimana ibu bapa yang tidak mengamalkan gaya keibubapaan yang sesuai menjadi pencetus tingkah laku agresif. Azizi Yahaya (2006) pula mendapati faktor guru dan sikap pelajar seperti penghargaan sendiri yang lemah paling dominan yang mendorong pelajar ponteng sekolah dan bertingkah laku agresif.

Menurut Azizi Yahaya, Shahrin Hashim, Yusof Boon dan How Lee Chan (2007), agresif ialah sebarang tingkah laku yang dirancang untuk mencederakan orang lain, iaitu tingkah laku yang harus dielakkan. Kekecewaan, kejangkelan dan serangan dan lain-lain mudah menyebabkan seseorang itu berasa marah. Perasaan marah ini adalah salah satu unsur yang penting untuk menghasilkan tingkah laku agresif. Biasanya seseorang yang marah lebih cenderung untuk bersikap agresif. Oleh itu, faktor untuk mengawal tingkah laku agresif sama penting dengan menimbulkan perasaan agresif. Pengetahuan lampau merupakan mekanisme penting untuk menentukan manusia yang bertingkah laku agresif.

Seterusnya, biarpun pelbagai peraturan dan disiplin telah ditetapkan oleh pihak sekolah, namun perbuatan salah laku pelajar tetap berlaku dan semakin meningkat dari tahun ke tahun. Antara masalah yang begitu ketara ialah masalah yang berkaitan dengan tingkah laku delinkuen dalam kalangan pelajar remaja. Menurut KPM (2013), seperti yang dilaporkan oleh Sektor Pembangunan Kemanusiaan Unit Hal Ehwal Murid, sepuluh jenis tingkah laku delinkuen dalam kalangan murid menengah dan rendah ialah berunsur jenayah, berunsur kelucahan, kekemasan diri, tidak pentingkan masa, kurang sopan, laku musnah, ponteng sekolah, kenakalan, buli dan menghisap rokok.

Nash, McQueens dan Bray (2005) mendapati ibu dan bapa yang berkelakuan antisosial dan jenayah menyediakan satu ruang pembelajaran untuk anak-anak mereka mempelajari dan mengikuti perlakuan tersebut. Nor Hashimah Osman (2003) membuktikan bahawa faktor keluarga mempunyai hubungan yang signifikan dengan kewujudan masalah disiplin dan keagresifan dalam kalangan pelajar sekolah menengah dalam Daerah Kubang Pasu. Selain itu, Azyyati Mohd Nazim *et al.* (2013) menerusi kajian rentas yang melibatkan pelajar sekolah menengah di tiga rancangan pembangunan tanah di Semenanjung Malaysia bagi mengenal pasti kewujudan (prevalens) tingkah laku agresif dalam kalangan remaja yang telah dipilih. Kajian menunjukkan tingkah laku berisiko dan agresif yang paling prevalen adalah ponteng sekolah (34.4%), melepak (21.5%), membuli (21.5%), mencuri (12.9%) dan merokok (12.0%).

Seterusnya, kajian literatur mengenai tingkah laku agresif remaja

mendapati beberapa faktor risiko yang berkaitan telah menjadi penyumbang kepada gejala-gejala negatif dalam kalangan remaja yang tidak boleh diterima oleh norma masyarakat (Mohammad Rahim Kamaluddin, Nadiah Syariani Md Shariff, Azizah Othman, Khaidzir Ismail & Geshina Ayu Mat Saat., 2015). Antara faktor risiko adalah hubungan yang tidak baik dengan ibu bapa, masalah keluarga, masalah akademik, faktor intrinsik seperti penghargaan sendiri yang lemah, serta tekanan dari rakan sebaya. Di samping itu, faktor intrinsik lain seperti pengherotan kognitif juga menjadi titik tolak yang mendorong remaja terjebak dalam jenayah dan kesalahan yang mereka lakukan.

Sehubungan dengan itu, perkara ini perlu dibendung sekeras-kerasnya oleh semua lapisan masyarakat terutama pihak yang dipertanggungjawabkan mendidik golongan remaja ini. Hal ini demikian, khuatir sekiranya tiada sebarang tindakan atau inisiatif yang diambil bagi mencegah masalah ini akan menyebabkan isu ini menjadi lebih parah. Remaja yang mempunyai tingkah laku agresif berkemungkinan pula menjadi orang dewasa yang berhadapan dengan pelbagai masalah seperti tingkah laku jenayah dan keganasan, salah guna dadah, kematian awal, pengangguran dan ketiadaan tempat tinggal. Oleh kerana remaja merupakan aset negara yang bernilai kepada sesebuah negara dan bangsa, adalah penting untuk semua pihak memainkan peranan mencorakkan mereka menjadi modal insan berkualiti, berdaya saing serta bertanggungjawab.

Justeru, kajian ini lebih menekankan kepada aspek psikologikal dan psikososial seseorang yang boleh menyebabkan kecenderungan kepada bertingkah laku agresif. Hal ini demikian kerana, penting untuk mengenal pasti aspek psikologikal dan psikososial seseorang yang mempunyai kecenderungan terlibat dalam tingkah laku agresif. Penemuan daripada kajian-kajian lepas (Carre *et al.*, 2014) telah menegaskan tentang keperluan intervensi awal dalam kalangan golongan yang berisiko tinggi sejak dari bangku sekolah lagi. Sehubungan dengan itu, satu kajian perlu dijalankan bagi mengetahui dan menyediakan langkah pencegahan atau intervensi yang dapat dipraktikkan untuk membendung masalah keagresifan yang boleh menyebabkan terjadinya isu sosial yang lebih memudaratkan di kemudian hari.

## OBJEKTIF

Objektif kajian ini secara amnya adalah untuk mengkaji pengaruh faktor psikososial iaitu faktor penghargaan sendiri, pengherotan kognitif, dan kefungsiannya keluarga terhadap tingkah laku agresif dalam kalangan pelajar Pra-Universiti sekitar Kuala Lumpur. Secara khususnya, kajian ini bertujuan untuk:

- 1) Mengkaji tahap penghargaan sendiri, pengherotan kognitif, kefungsiian keluarga dan tingkah laku agresif dalam kalangan pelajar Pra-Universiti di sekitar Kuala Lumpur.
- 2) Mengenal pasti pengaruh faktor penghargaan sendiri, pengherotan kognitif dan kefungsiian keluarga yang menyumbang kepada tingkah laku agresif dalam kalangan pelajar Pra-Universiti di sekitar Kuala Lumpur.

## METODOLOGI KAJIAN

### Reka Bentuk Kajian

Kajian ini berbentuk kuantitatif menggunakan metod survei dengan menggunakan borang soal selidik. Kajian ini melibatkan seramai 150 orang pelajar Pra-Universiti sebagai responden kajian yang diperoleh melalui kaedah persampelan mudah. Walaupun bilangan sampel ini tidak cukup untuk membuat generalisasi ke atas seluruh populasi pelajar Pra-Universiti di Kuala Lumpur, saiz sampel ini dikatakan sesuai bagi menguji hipotesis demi mencapai matlamat kajian ini. Pengkaji telah menetapkan kriteria bahawa responden haruslah pelajar Pra – Universiti secara sepenuh masa dimana – mana institusi pengajian Tingkatan 6, jantina lelaki atau wanita tanpa mengira agama dan bangsa dan berusia 19 tahun. Kajian ini telah memfokuskan para pelajar Pra-Universiti dengan rasional bahawa kurangnya kajian yang melibatkan remaja akhir ini berbanding remaja awal dan pertengahan.

Kajian ini dijalankan di kawasan sekitar institusi pengajian Pra-Universiti, Perpustakaan Negara dan pusat tuisyen pelajar-pelajar Pra-Universiti sekitar Kuala Lumpur. Selain itu, pengkaji juga telah mengedarkan soal selidik di kawasan PPR Gombak Setia yang mengadakan Program Perkasa Remaja yang telah disertai kebanyakan pelajar Pra-Universiti sekali gus memudahkan penyelidik untuk mendapatkan responden. Pengkaji juga menggunakan teknik persampelan bola salji dengan mendekati individu-individu yang diperkenalkan oleh responden.

Borang soal selidik yang diedarkan terdiri daripada lima bahagian iaitu bahagian A adalah berkaitan faktor demografi, bahagian B berkaitan tahap Penghargaan Kendiri responden, bahagian C berkaitan tahap Pengherotan Kognitif responden, bahagian D berkaitan Kefungsiian Keluarga responden dan bahagian E berkaitan tahap Tingkah Laku Agresif responden. Instrumen yang digunakan ialah *Rosernberg Self – Esteem Scale* (Rosenberg, 1965) yang telah diadaptasi kepada Bahasa Malaysia oleh Mohd Jamil (2006). Instrumen ini mempunyai 10 item yang terdiri daripada lima item positif (+) dan lima item negatif (-). Salah satu item yang ditanyakan dalam instrumen ini ialah: Saya memandang positif terhadap diri saya. Kaedah permakatan yang digunapakai dalam soal selidik ini

adalah Skala *Likert* 1 hingga 4; (1) Tidak pernah menggambarkan diri saya, (2) Jarang menggambarkan diri saya, (3) Bersetuju menggambarkan diri saya dan (4) Amat bersetuju menggambarkan diri saya.

Bagi tujuan mengakses pengherotan kognitif pula, pengkaji menggunakan soal selidik *How I Think* yang telah diadaptasi kepada Bahasa Malaysia oleh Mohammad Rahim Kamaluddin, Nadiyah Syariani Md Shariff, Azizah Othman dan Geshina Ayu Mat Saat (2013) yang mencatatkan nilai kebolehpercayaan yang tinggi iaitu nilai *Alfa Cronbach* ( $\alpha$ ) 0.90. *How I Think* versi Malaysia merupakan salah satu alat ujian psikometrik yang sering digunakan dalam proses penilaian tahap pengherotan kognitif terutama dalam kalangan juvana delinkuen dan penjenayah. Instrumen ini mengandungi 24 item yang perlu dijawab oleh responden Kaedah permakatan bagi instrumen ini adalah menggunakan Skala *Likert* 1 hingga 5 di mana (1) adalah sangat tidak setuju dan (5) adalah sangat setuju. Salah satu contoh item dalam instrumen ini ialah: Apabila saya marah, saya tidak peduli siapa yang terluka.

Soal selidik bahagian D dalam kajian ini dikenali sebagai *Family Adaptability & Cohesion Scales* (FACES III). Alat ujian ini mengkehendaki individu yang mengambil ujian menyatakan keadaan keluarga mereka. Instrumen ini mendapat nilai kebolehpercayaan yang tinggi untuk 20 item iaitu nilai *Alfa Cronbach* ( $\alpha$ ) 0.82. Setiap item dalam FACES III ini memerlukan respon jawapan berbentuk Skala *Likert* 1 hingga 5; (1) Hampir tidak pernah, (2) Sekali-sekali, (3) Kadang-kala, (4) Kerap dan (5) Sentiasa. Salah satu contoh item yang terdapat dalam FACES III adalah: Peraturan dalam keluarga saya berubah-ubah.

Akhir sekali, tingkah laku agresif diukur menggunakan *Aggression Questionnaire* (AQ) yang dibangunkan oleh Buss dan Perry (1992) dan yang telah diadaptasikan dalam konteks tempatan (Nurul Hazrina Mazlan & Affizal Ahmad, 2012). Instrumen ini mencatat nilai kebolehpercayaan yang tinggi iaitu nilai *Alfa Cronbach* ( $\alpha$ ) 0.88. Responden perlu menjawab kesemua 29 item dengan melaporkan seberapa kerap mereka terlibat dengan tingkah laku agresif dengan menggunakan Skala *Likert* 1 hingga 5. Contoh item yang mengukur tingkah laku agresif dalam kajian ini adalah: Kadang-kadang saya akan mengamuk tanpa sebab.

Setelah memperolehi data daripada responden, data kemudiannya telah dikodkan ke dalam program *IBM Statistical Package for Social Science 23* (SPSS23) bagi analisis data. Data dianalisis dengan menggunakan analisa deskriptif dan inferensi. Analisis deskriptif digunakan untuk membentangkan maklumat demografi responden serta tahap aspek psikososial dan tingkah laku agresif. Bagi menentukan tahap untuk setiap aspek psikososial, pengiraan dibuat berdasarkan formula julat skor (skor maksimum – skor



minimum) dibahagikan dengan bilangan tahap. Manakala analisis inferensi jenis regresi berganda pula diaplikasikan untuk mengenal pasti pengaruh faktor penghargaan sendiri, pengherotan kognitif, kefungsian keluarga terhadap tingkah laku agresif dalam kalangan pelajar Pra-Universiti di sekitar Kuala Lumpur.

## DAPATAN KAJIAN

Hasil kajian mendapati pelajar lelaki adalah seramai 61 (41.0%) orang manakala pelajar perempuan adalah seramai 89 (59.0%) orang dengan umur min 18.35 tahun ( $s.p = 0.56$ ).

### Tahap psikososial dan tingkah laku agresif

Daripada jumlah keseluruhan responden kajian, seramai 8 orang pelajar mempunyai tahap penghargaan sendiri yang rendah. Jumlah ini adalah sebanyak 5.3%. Seramai 110 orang (73.3%) responden kajian pula mempunyai tahap penghargaan sendiri pada tahap sederhana. Akhir sekali, seramai 32 orang pelajar (21.3%) dalam kajian ini mempunyai tahap penghargaan sendiri yang tinggi. Jadual 1 menunjukkan taburan tahap penghargaan sendiri dalam kalangan responden.

**Jadual 1. Taburan Tahap Penghargaan Kendiri (n =150)**

Tahap Penghargaan Kendiri	Frekuensi	Peratus (%)
Rendah	8 (5.3)	5.3
Sederhana	110 (73.3)	73.3
Tinggi	32 (21.3)	21.3

Jadual 2 pula menunjukkan taburan tahap pengherotan kognitif pelajar. Seramai 48 (32.0 %) orang pelajar mempamerkan tahap pengherotan kognitif pada tahap rendah. Manakala, seramai 91 (60.7%) orang pelajar mempunyai tahap pengherotan kognitif pada tahap sederhana dan hanya seramai 11 (7.3%) orang pelajar Pra-Universiti dalam kajian ini mempunyai tahap pengherotan kognitif yang tinggi.

**Jadual 2: Taburan Tahap Pengherotan Kognitif (n=150)**

Tahap Pengherotan Kognitif	Frekuensi	Peratus (%)
Rendah	48	32.0
Sederhana	91	60.7
Tinggi	11	7.3

Seterusnya, Jadual 3 menunjukkan tahap kefungsian keluarga bagi pelajar Pra-Universiti di sekitar Kuala Lumpur. Hasil kajian menunjukkan seramai 11 (7.3%) orang pelajar mengalami tahap kefungsian keluarga pada tahap ekstrim (tidak seimbang). Manakala, seramai 50 (33.3%) orang



pelajar mempunyai tahap sistem kefungsiian keluarga yang sederhana. Seterusnya, seramai 75 (50.0%) orang pelajar Pra-Universiti dalam kajian ini mempunyai tahap kefungsiian keluarga yang sederhana seimbang. Akhir sekali, seramai 14 (9.3%) orang pelajar mempunyai tahap kefungsiian keluarga yang paling tinggi iaitu tahap seimbang.

**Jadual 3: Taburan Tahap Kefungsiian Keluarga (n=150)**

Tahap Kefungsiian Keluarga	Frekuensi	Peratus (%)
Ekstrim	11	7.3
Sederhana	50	33.3
Sederhana Seimbang	75	50.0
Seimbang	14	9.3

Jadual 4 menunjukkan tahap tingkah laku agresif pelajar Pra-Universiti di sekitar Kuala Lumpur dalam kajian ini. Didapati seramai 48 (32.0%) orang pelajar memperoleh tahap tingkah laku agresif pada tahap rendah. Manakala, seramai 80 (53.3%) orang pelajar didapati mempunyai tahap tingkah laku agresif pada tahap sederhana. Seramai 22 (14.7%) orang pelajar Pra-Universiti di sekitar Kuala Lumpur dalam kajian ini mempunyai tahap tingkah laku agresif yang paling tinggi.

**Jadual 4: Taburan Tahap Tingkah Laku Agresif (n=150)**

Tahap Tingkah Laku Agresif	Frekuensi	Peratus (%)
Rendah	48	32.0
Sederhana	80	53.3
Tinggi	22	14.7

Secara keseluruhan, kajian mendapati setiap pemboleh ubah bebas dan terikat yang dikaji dalam kajian ini kebanyakan mencapai pada tahap sederhana. Bagi aspek penghargaan sendiri, majoriti pelajar Pra-Universiti dalam kajian ini hanya mencapai pada tahap sederhana sahaja iaitu seramai 110 (73.3%) orang. Begitu juga dengan aspek pengherotan kognitif dimana majoriti pelajar-pelajar ini mengalami tahap pengherotan kognitif pada tahap sederhana iaitu seramai 91 (60.7%) orang. Manakala, bagi aspek kefungsiian keluarga juga menunjukkan kebanyakan pelajar mempunyai jenis keluarga pada tahap sederhana seimbang iaitu seramai 75 (50.0%) orang. Aspek tingkah laku agresif juga menunjukkan majoriti responden mempunyai tahap tingkah laku agresif pada tahap sederhana iaitu seramai 80 (53.3%) orang.

#### **Pengaruh Psikososial terhadap Tingkah Laku Agresif**

Berdasarkan Jadual 5, ketiga-tiga pemboleh ubah bebas dalam kajian ini iaitu faktor penghargaan sendiri, pengherotan kognitif dan kefungsiian keluarga mempunyai pengaruh ke atas tingkah laku agresif dengan aras

signifikan  $p < .05$  apabila diuji dengan analisis regresi pelbagai. Selain itu, nilai Beta ( $\beta$ ) yang ditunjukkan pada jadual koefisien piawai digunakan untuk membandingkan sumbangan setiap pemboleh ubah bebas. Nilai Beta ( $\beta$ ) di bawah menunjukkan sumbangan sebanyak  $-.299$  daripada faktor penghargaan sendiri. Manakala, sumbangan positif sebanyak  $.461$  daripada faktor pengherotan kognitif dan sebanyak  $.069$  daripada faktor kefungsian keluarga secara signifikan mempengaruhi tingkah laku agresif dalam kalangan pelajar Pra-Universiti sekitar Kuala Lumpur dalam kajian ini. Secara keseluruhan, faktor pengherotan kognitif ( $\beta = .461$ ,  $p < .00$ .) adalah pengaruh yang terbaik yang signifikan berbanding faktor penghargaan sendiri ( $\beta = -.299$ ,  $p < .00$ ) dan faktor kefungsian keluarga ( $\beta = .069$ ,  $p < .05$ ) dengan keseluruhan  $R^2 = .384$ .

**Jadual 5: Jadual Regresi Pelbagai Bagi Bagi Pengaruh Faktor Psikososial Terhadap Tingkah Laku Agresif**

Model		Koefision		Beta ( $\beta$ )	T	Sig
		tidak berpiawai	Ralat Piawai			
1	(Tetap)	33.234	6.440		5.161	.000
	Penghargaan Kendiri	-.742	.165	-.299	-4.491	.000
	Pengherotan Kognitif	.269	.040	.461	6.738	.000
	Kefungsian Keluarga	.058	.057	.069	1.030	.305

## PERBINCANGAN

### Tahap Faktor Psikososial dan Tingkah Laku Agresif dalam Kalangan Pelajar Pra-Universiti Sekitar Kuala Lumpur

Pelajar Pra-Universiti sekitar Kuala Lumpur dalam kajian ini mempunyai tahap penghargaan sendiri yang sederhana iaitu seramai 110 (73.3%) orang pelajar daripada 150 pelajar. Tahap ini dikatakan baik kerana pada tahap ini para pelajar masih mempunyai kecederungan positif dalam memotivasikan diri sekiranya menghadapi ujian atau cabaran bagi mencapai sesuatu matlamat. Perkara ini selari dengan kajian Goleman (1995), dengan menegaskan bahawa penghargaan sendiri mempunyai pengaruh yang sangat penting terhadap kejayaan individu dalam kehidupan. Beliau percaya bahawa penghargaan sendiri memberi sumbangan kepada beberapa aspek kehidupan seperti mengurangnya tekanan, peningkatan kesejahteraan kesihatan mental, peningkatan pembelajaran, penurunan tingkah laku agresif, kebolehan membuat keputusan yang baik dan

kemantapan dalam hubungan interpersonal. Dapatan kajian ini juga disokong oleh Chen *et al.* (2006) melaporkan bahawa penghargaan sendiri dikenal pasti sebagai faktor peramal yang kuat terhadap kepuasan hidup dibandingkan dengan pembolehubah - pembolehubah yang lain. Kajian oleh Casas *et al.* (2012) terhadap remaja mendapati keputusan yang sama dimana terdapat hubungan yang positif antara tahap kepuasan hidup dan penghargaan sendiri. Seterusnya, hasil dalam kajian ini juga bersependapat dengan kajian Muhd Mansur dan Siti Nordinar (1998), yang menyatakan penghargaan sendiri yang baik menunjukkan tahap di mana seseorang individu itu merasa yakin kepada dirinya sendiri sebagai seorang individu yang bernilai, penting, boleh memberi hasil dan berharga.

Tahap pengherotan kognitif pelajar Pra-Universiti sekitar Kuala Lumpur dalam kajian juga menunjukkan majoriti daripada responden kajian mempunyai tahap pengherotan kognitif sederhana iaitu seramai 91 (60.7%) orang pelajar. Biarpun begitu, terdapat juga seramai 11 (7.3%) orang pelajar yang mempunyai tahap pengherotan kognitif yang tinggi. Konsep pengherotan kognitif ini boleh diklasifikasikan sebagai satu jenis kognisi bermasalah secara klinikal yang relevan dengan satu status dan skop operasi yang spesifik (Guglielmo, 2015). Pengherotan kognitif yang berada pada tahap sederhana dan tinggi ini akan menyebabkan seseorang individu itu cenderung untuk mengalami kemurungan sekali gus bertingkah laku agresif.

Kajian lepas menyokong pernyataan ini apabila kajian Rohany Nasir, Zainah Ahmad Zamani, Rozainee Khairudin dan Mohammad Rahim Kamaluddin (2016) mendapati terdapatnya korelasi positif yang signifikan antara pengherotan kognitif dan kemurungan. Selain itu, kajian Marton, Churchard dan Kutcher (1993) juga menjadi satu lagi bukti hubungan yang kuat antara pengherotan kognitif dan kemurungan. Dapatan kajian ini juga mempunyai persamaan dengan hasil kajian Rozmi Ismail (2004) yang mendapati remaja yang mengalami tekanan seringnya akan terlibat dengan masalah sosial seperti merokok, dadah, lepak, lumba haram, vandalisme, memberontak, kecewa dan agresif. Hans Selye (1956) juga mengatakan kemurungan dan tekanan sebagai satu tindakbalas atau reaksi yang tidak spesifik tubuh terhadap sebarang rangsangan atau permintaan. Ini menunjukkan apabila semua permintaan melebihi daripada kemampuan badan, ia akan mengakibatkan ketegangan atau keagresifan. Seterusnya, dapatan kajian mendapati sebahagian daripada jumlah responden dalam kajian ini mempunyai sistem kekeluargaan pada tahap sederhana seimbang iaitu seramai 75 (50%) orang pelajar. Selebihnya seramai 14 (9.3%) orang pelajar di tahap seimbang, 50 (33.3%) orang pada tahap sederhana dan 11 (7.3%) orang pada tahap jenis keluarga yang ekstrim. Tahap keluarga yang seimbang menunjukkan keperluan psikologi dan sosial dalam ahli keluarga dapat dipenuhi dengan baik. Perkara ini

selari dengan kajian daripada Baumrind (1971) yang menyatakan hubungan ibu bapa dan anak yang mesra akan meningkatkan penghargaan sendiri anak-anak dalam membuat pilihan, berkomunikasi, dan mengendalikan hidup yang produktif. Kajian ini juga menyokong dapatan Ruchkin *et al.* (2000) yang menjelaskan bahawa kuasa emosi yang wujud dalam kefungsiannya sesebuah keluarga sangat kuat untuk menjadi peramal kepada permasalahan tingkah laku berbanding dengan kemahiran keibubapaan bagi kes-kes juvana. Keadaan ini jelas menunjukkan bahawa kefungsiannya keluarga yang wujud selama ini menjadi kekuatan terutama dalam aspek kebersamaan seperti meluahkan perasaan, komunikasi, dan meluangkan masa bersama anak (Hsueh & Yoshikawa 2007).

Biarpun begitu, kajian ini juga dapat mengenal pasti bahawa sebahagian pelajar Pra-Universiti sekitar Kuala Lumpur dalam kajian ini cenderung untuk mempunyai jenis keluarga yang bermasalah atau ekstrim dalam hubungan antara ahli keluarga. Hubungan kekeluargaan yang lemah akan menyebabkan anak-anak kehilangan kasih sayang, kurangnya penghargaan sendiri, tiada matlamat, hilang sumber sokongan dan kemunduran jati diri. Menurut kajian Kolb dan Hanley-Maxwell (2003), institusi kekeluargaan mempunyai peranan yang penting dalam perkembangan tahap penghargaan sendiri dalam kalangan remaja. Selain itu, ibu bapa juga perlu menjadi model yang dapat dicontohi oleh anak-anak sama ada dari segi perkataan dan perbuatan yang melibatkan emosi. Ibu bapa juga membantu membina penghargaan sendiri (self-esteem), kawalan sendiri, kesedaran sendiri dan keyakinan diri (Johnson, 2008).

Hasil dapatan kajian menunjukkan sebilangan besar responden kajian menunjukkan tingkah laku agresif pada tahap sederhana iaitu seramai 80 (53.3%) orang responden. Perkara ini amat membimbangkan dan perlu diketengahkan untuk dibincangkan kerana kecenderungan pelajar lain dalam kajian ini untuk mencapai tahap tinggi dalam tingkah laku agresif adalah tidak mustahil. Remaja yang agresif dan berisiko akan menyebabkan banyak berlaku masalah sosial dan jenayah di dalam negara. Dalam kajian ini sahaja seramai 22 (14.7%) orang pelajar mempunyai tingkah laku agresif pada tahap tinggi dan kajian membuktikan remaja yang mempunyai tingkah laku agresif berkemungkinan pula menjadi orang dewasa yang berhadapan dengan pelbagai masalah seperti tingkah laku jenayah dan keganasan, salah guna dadah, penceraian, kematian awal, pengangguran dan ketiadaan tempat tinggal (Rozmi Ismail, 2011). Selain itu, tingkah laku agresif ini juga berlaku apabila terdedah dengan persekitaran yang kurang sihat seperti merempit, berjudi, pergaulan bebas antara lelaki dan perempuan, alkohol, dadah dan lain-lain.

**Pengaruh Faktor Psikososial Terhadap Tingkah Laku Agresif dalam Kalangan Pelajar Pra - Universiti di Sekitar Kuala Lumpur**

Berdasarkan hasil kajian, faktor pengherotan kognitif merupakan faktor tertinggi yang menyumbang kepada terjadinya tingkah laku agresif berbanding faktor penghargaan sendiri dan kefungsiannya keluarga dalam kalangan pelajar Pra-Universiti sekitar Kuala Lumpur. Perkara yang dibimbangkan ialah apabila masalah yang dialami oleh remaja akan mengheret mereka dalam satu keadaan diri yang tertekan yang mana mengakibatkan mereka tidak dapat berfikir secara positif dan mengalami pengherotan kognitif sehingga mengambil keputusan untuk terjebak dengan pelbagai aktiviti yang tidak sihat (Fauziah, Khadijah, Noremy, Sarnon & Lukman., 2012). Hal ini kerana pengherotan kognitif yang dialami sehingga menyebabkan mereka bertingkah laku sedemikian. Keadaan ini juga secara tidak langsung memperlihatkan pembentukan tingkah laku manusia yang terhasil daripada interaksi antara kognitif, persekitaran dan perlakuan manusia lain (Muhammed Sharif & Suria 2012). Hasil kajian ini juga disokong dengan kajian pengkaji barat yang menyatakan pengherotan kognitif merujuk kepada individu yang gagal mengawal fikirannya seperti menyalahkan diri, mengkritik diri, tidak berdaya, dan berputus asa, seterusnya berkecenderungan untuk bertingkah laku negatif, sehinggakan tingkah lakunya tidak dapat diterima dan dianggap melanggar norma masyarakat (Abela, Becker, & Conningham Rather 1984). Kesimpulannya, pengherotan kognitif merupakan faktor dominan dalam kajian ini yang merupakan faktor terbesar sumbangannya dalam pembentukan tingkah laku agresif dalam kalangan pelajar Pra-Universiti sekitar Kuala Lumpur. Hasil daripada kajian ini mendapati faktor kefungsiannya keluarga bukanlah satu faktor yang besar dalam pembentukan tingkah laku agresif dalam kalangan responden. Biarpun begitu, ianya tetap memberi sedikit sumbangan pengaruh kepada tingkah laku agresif ini. Selari dengan pendapat Bandura (1973) yang mendakwa bahawa perkara utama yang sering dipelajari oleh seseorang individu sejak zaman kanak - kanaknya ialah melalui pemerhatian terhadap tingkah laku orang lain, khususnya orang yang signifikan dengan mereka. Oleh itu, individu akan mempelajari dan melakukan tingkah laku agresif sama ada secara langsung atau tidak langsung melalui peniruan tingkah laku ahli keluarga mereka.

Menurut Bandura (1973) lagi, individu akan mempelajari dan melakukan tingkah laku agresif sama ada secara langsung atau tidak langsung melalui peniruan tingkah laku ahli keluarga mereka. Kesimpulannya, walaupun faktor kefungsiannya keluarga hanya menyumbang sedikit akan kewujudan tingkah laku agresif, ianya tetap merupakan aspek faktor psikososial yang penting untuk dijadikan sebagai indikator bagi mengukur pemboleh ubah terikat kajian ini iaitu tingkah laku agresif.

## **KESIMPULAN DAN IMPLIKASI**

Kajian ini dijalankan untuk melihat faktor psikososial khususnya penghargaan sendiri, pengherotan kognitif dan kefungsi keluarga terhadap tingkah laku agresif dalam kalangan pelajar Pra-Universiti di sekitar Kuala Lumpur. Kajian ini diharapkan dapat memberi manfaat kepada remaja, ibu bapa, pihak sekolah, pihak kerajaan lebih-lebih lagi Kementerian Pendidikan Malaysia dan Kementerian Belia dan Sukan tentang tahap kesejahteraan psikososial dalam kalangan pelajar Pra-Universiti serta dapat mengambil langkah untuk pembentukan kesejahteraan psikososial yang sihat dan berkualiti. Hal ini penting kerana langkah-langkah yang dirangka dapat memastikan pelajar menyediakan diri untuk berhadapan dengan pelbagai cabaran apabila sudah tamat pengajian Pra-Universiti kelak. Selain itu, kajian ini mempunyai beberapa limitasi seperti saiz sampel yang kecil dan faktor-faktor psikososial lain yang belum diterokai. Sebagai cadangan kajian akan datang, pengkaji mencadangkan agar skop kajian diperluas dan merangkumi pelajar sekolah rendah, menengah dan mahasiswa universiti, golongan belia dan sebagainya. Faktor psikososial yang lain yang boleh diambil kira untuk kajian akan datang adalah seperti hubungan interpersonal, kualiti dan kepuasan hidup, perhubungan sosial dan sebagainya untuk dikaitkan dengan aktiviti atau tingkah laku agresif.

#### RUJUKAN

- Agnew, R. (1992). *Foundation for a General Strain Theory of Crime and Delinquency*. *Criminology*. 30, 47-87.
- Azizi Yahaya (2006). Hubungan antara tingkah laku keibubapaan dengan penghargaan sendiri di kalangan remaja. *Jurnal Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia*, 11: 36-46.
- Azizi Yahaya, Shahrin Hashim, Yusof Boon & How Lee Chan. (2007). *Faktor-faktor yang mempengaruhi gejala ponteng dalam kalangan pelajar sekolah menengah di Johor*. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor.
- Azyyati Mohd Nazim, Fariza Md. Sham, & Salasia Hanin Hamjah. (2013). *Ciri-ciri Remaja Berisiko*.
- Bandura, A. (1973). *Aggression: A social learning analysis*. Oxford, England: Prentice-Hall.
- Baron, R. A., & Bryne, D. (2004). *Social Psychology (International Edition)*. Boston: Allyn & Bacon.
- Baumrind. D. (1971). *Current patterns of parental authority*. *Developmental Psychology Monographs*, 4, 1-103.

- Brannstrom, L., Kaunitz, C., Andershed, A.K., South, S. & Smedslund, G. (2016). *Aggression Replacement Training (ART) for Reducing Antisocial Behaviour in Adolescents and Adults: A Systematic Review*. *Aggression and Violent Behaviour*, 27(2): 30-41.
- Buss, A.H. & Perry, M. (1992). The Aggression Questionnaire. *Journal of Personality and Social Psychology*, 63(3): 452-459.
- Carre, J.M., Iselin, A.M., Welker, K.M., Hariri, A.R. & Dodge, K.A. (2014). *Lowered Testosterone Reactivity Mediates the Effect of Early Intervention on Aggressive Behavior*. *Psychological Science*, 25(5): 1140-1146.
- Edelmen, M. W. (1995). United we stand: A common vision. *Claming Children*. 1:6-12.
- Fauziah, I., A. Khadijah, M. A. Noremy, N. Samon, & Z. M. Lukman. (2012). *The role of family towards current adolescence challenges: Drug prevention and living without drugs*. *Social Sci.*, 7, 341-345.
- Feldman, R. S. (2001). *Social Psychology*. Prentice Hall. New Jersey.
- Goleman, D. (1995). *Emotional Intelligence: Why It Can Matter More Than IQ*. New York: Bantam Books.
- Hariz Mohd. (17 Ogos 2017). Revealed: Full list of 402 Malaysian schools with disciplinary, drug issues. News Straits Times. Dipetik dari: <https://www.nst.com.my/news/nation/2017/08/268913/revealed-full-list-402-malaysian-schools-disciplinary-drug-issues>
- Heng Keng Chiam. (1998). *Educational Sociology, Educational Psychology, School Administration, Discipline Problem, Case Studies, School Management, Truancy, Family Background, Parent-Child Relationship and Parent Responsibility*.
- Hsueh, J. A., dan Yoshikawa, H. (2007). *Working Nonstandard Schedules and Variable Shifts in Low-Income Families: Associations with Parental Psychological WellBeing, Family Functioning and Child Well-Being*. *Developmental Psychology*, 43(3), 620-63.
- Huesmann, L.R. & Miller, L.S. (1994). *Long-term Effects of Repeated Exposure to Media Violence in Childhood. In Aggressive Behavior: Current Perspectives*, Ed. Huesmann, L.R. pp. 153-86. New York: Plenum.



- Johnson. (2008). Emotionally Focused Therapy for Couples and Childhood Sexual Abuse Survivors. *Journal of Marital and Family Therapy*, 34, 298-315.
- Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM). (2013). Hala Tuju Sektor Pembangunan Kemusiaan. Unit Hal Ehwal Murid, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kolb & Hanley-Maxwell. (2003). *Critical social skills for adolescents with high incidence disabilities: Parental perspectives*. *Exceptional Children*, 69(2), 163-79.
- Lau, S., Chan, D. W., & Lau, P. S. (1999). Facets of Loneliness and Depression among Chinese Children and Adolescents. *The Journal of Social Psychology*, 139(6): 713-729.
- Mohammad Rahim Kamaluddin., Azizah Othman., Khaidzir Ismail., & Geshina Ayu Mat Saat. (2016). *Profil Agresif Pembunuh Lelaki Malaysia yang telah Dipenjarakan*. *Akademika*, 86(2): 137-147.
- Mohammad Rahim. K., Nadiyah Syariani, M.S., Azizah, O., & Geshina Ayu, M.S. (2013). *Factorial validation of "How I Think" questionnaire among male inmates in Malaysia*. *Malays J Psychiatry*, 22(2): online early.
- Nash, S., McQueen, A., & Bray, J. H. 2005. Pathways to adolescent alcohol use: Family environment, peer influence, and parental expectations. *Journal of Teen Health*, 37, 19-28.
- Nor Hashimah Osman. (2003). *Faktor-faktor penyebab masalah disiplin dalam kalangan pelajar sekolah menengah dalam Daerah Kubang Pasu*. Universiti Utara Malaysia.
- Nurul Hazrina Mazlan., & Affizal Ahmad. (2012). The Malay-Translated Version of The Aggression Questionnaire (AQ): The Validity and The Identification of Types of Aggression Among Female Prisoners. *ASEAN Journal of Psychiatry*, 13(2): 146-156.
- O' Keefe, M. (1995). *Predictors of Childs Abuse in Maritally Violent Family*. *Interpersonal Violence*. 10(1). 3-21.
- Rohany Nasir, Zainah Ahmad Zamani, Rozainee Khairudin & Mohammad Rahim Kamaluddin. (2016). *Pengherotan Kognitif dan Pelbagai Isu Sosial*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Rosenberg, M., Schooler, C., Schoenbach, C., & Rosenberg, F. (1995). *Global Self-Esteem and Specific Self-Esteem: Different Concepts, Different Outcomes*. *Source American Sociological Review*, 60(1): 141–156. <http://doi.org/10.2307/2096350>.

Rozmi Ismail. (2004). *Gejala Perlumbaan Motorsikal Haram di Kalangan Remaja: Satu Kajian ke Atas Faktor Keterlibatan dan Personaliti*. Prosiding Seminar Keb. Ke 3 Psikologi dan Masyarakat. Bangi: FSSK UKM.

Rozmi Ismail. (2011). *Psikologi Sosial: Tingkah Laku Agresif*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

**Profil Penulis:**

**Nur Azrul Amirul Mustafa**

Graduan Ijazah Sarjana Muda Psikologi  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
azrulamirul69@yahoo.com

**Mohammad Rahim Kamaluddin, Ph.D**

Pensyarah Kanan & Pakar Kriminologi  
Pusat Penyelidikan Psikologi dan Kesejahteraan Manusia  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
rahimk@ukm.edu.my

**Fatin Adha Murad**

Pelajar Sarjana Falsafah (Psikologi)  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
adhamurad11@gmail.com

**Balan Rathakrishnan, PhD**

Profesor Madya,  
Fakulti Psikologi dan Pendidikan  
Universiti Malaysia Sabah  
rbhalan@ums.edu.my

**Noremy Md Akhir, PhD**

Pensyarah Kanan  
Pusat Penyelidikan Psikologi dan Kesejahteraan Manusia  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
noremy@ukm.edu.my

***Norruzeyati Che Mohd Nasir, PhD***

*Pensyarah Kanan*

*Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja sosial,*

*Kolej Sastera dan Sains,*

*Universiti Utara Malaysia.*

*zeyati@uum.edu.my*